| | |
|---|---|
| **PENYATA PENDEDAHAN PRODUK /**<br>***PRODUCT DISCLOSURE SHEET***<br><br>**Sila baca dan fahami Penyata Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil BSN Micro-i Cashline. Sila pastikan anda juga membaca terma-terma di dalam surat tawaran. Dapatkan penjelasan daripada BSN jika anda tidak memahami mana-mana bahagian atau terma-terma amnya.**<br><br>***Please read this Product Disclosure Sheet before you decide to take out the BSN Micro-i Cashline. Be sure to also read the terms in the letter of offer. Seek clarification from BSN if you do not understand any part of this document or the general terms.*** | **BANK SIMPANAN NASIONAL**<br><br>**BSN Micro-i Cashline**<br><br>Tarikh / *Date* : ________________<br>Untuk diisi oleh Eksekutif Kewangan / Cawangan / *To be filled in by Financial Executive / Branch Representative)* |

## 1. Apakah produk ini? / *What is this product about?*

BSN Micro-i Cashline adalah kemudahan overdraf Islamik yang bertujuan untuk memenuhi keperluan modal kerja bagi perusahaan mikro. Kemudahan pembiayaan ini membolehkan pelanggan menggunakan had pembiayaan melalui melalui BSN Giro-i Premium Akaun Syarikat dan caj keuntungan adalah dikira secara harian berdasarkan amaun pembiayaan yang digunapakai. Kemudahan ini adalah tertakluk kepada semakan tahunan. / *BSN Micro-i Cashline is an Islamic overdraft facility which aims to meet the micro enterprises need on the working capital. This financing facility enables the customer to utilize the financing limit through BSN Giro-i Premium Company Account and profit charges are calculated on daily basis based on the utilized amount. This facility is subject to annual review.*

## 2. Apakah konsep Syariah yang digunapakai untuk pembiayaan ini? / *What is the Shariah concept applicable?*

- Konsep Syariah yang diguna pakai bagi produk ini adalah Tawarruq (*Murabahah Komoditi*) yang melibatkan dua kontrak jual beli. Kontrak pertama melibatkan penjualan aset oleh penjual kepada pembeli secara tangguh. Seterusnya, pembeli bagi urusniaga penjualan yang pertama akan menjual aset yang sama kepada pihak ketiga secara tunai dan serta merta. / *The Shariah concept used is Tawarruq (Commodity Murabahah) where a Tawarruq consists of two sale and purchase contracts. The first involves the sale of an asset by a seller to a purchaser on a deferred basis. Subsequently, the purchaser of the first sale will sell the same asset to a third party on a cash and spot basis.*
- Konsep *Tawarruq* ini juga melibatkan kontrak *Wakalah* (Perwakilan) dengan menggunapakai struktur '*dual agency*' yang merangkumi : / *The Tawarruq concept also involves Wakalah contract (Agency) which adopts a 'dual-agency' arrangement, whereby involves the following* :
  - i. Pelantikan Bank sebagai wakil Pelanggan untuk menyempurnakan pembelian komoditi secara Murabahah daripada Bank. / *The appointment of the Bank who acts as an agent on behalf of the customer to conclude the purchase of the commodity from the Bank on a Murabahah basis.*
  - ii. Pelantikan Bank sebagai wakil Pelanggan untuk menjual komoditi kepada pihak ketiga. / *The appointment of the Bank who acts as an agent to sell the commodity on behalf of the customer to a third party.*

## 3. Apa yang boleh saya perolehi dari produk ini? / *What do I get from this product?*

- Kadar keuntungan berdasarkan kadar terapung seperti berikut / *Profit rate is based on floating rate basis as follows:*

| | |
|---|---|
| Tempoh (Tahun) / *Tenure (Years)* | 5 tahun / *5 years* |
| Kadar Keuntungan (% setahun) / *Profit Rate (%per annum)* | KAS* + 6.70% / *SBR + 6.70%* |
| Kadar Keuntungan Efektif (% setahun) / *Effective Profit Rate (% per annum)* | 9.70% |

Nota / *Note :* *Kadar Asas Standard (KAS) BSN semasa adalah 3.00% setahun (berkuat kuasa 12 Mei 2023 / **Current BSN Standardised Base Rate (SBR) is 3.00% per annum (effective 12 May 2023)*

| | |
|---|---|
| Amaun Pembiayaan / *Financing Amount* | RM50,000 |
| Jumlah Harga Jualan / *Total Selling Price* | RM95,000 |
| Tempoh Pembiayaan / *Financing Tenure* | 5 tahun / *5 years* |
| Kadar Keuntungan pada asas baki harian / *Profit Rate based on daily rest basis* | 9.70% setahun / *9.70% per annum* |
| Kadar Untung Dipersetujui (CPR) (Tertakluk kepada perubahan) / *Contracted Profit Rate (CPR) (subject to change)* | 18.00% setahun / *18.00% per annum* |

Nota / *Note*: Contoh di atas adalah untuk ilustrasi sahaja / *The above example is only for illustration*

## 4. Apakah yang dimaksudkan dengan Kadar Asas Standard (KAS)? / *What is Standardised Base Rate (SBR)?*

KAS yang kami tawarkan bagi produk ini adalah berdasarkan kadar penanda aras yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia. Kadar penanda aras pada masa kini ditetapkan mengikut Kadar Dasar Semalaman (OPR), yang mencerminkan pendirian dasar monetari seperti yang diputuskan oleh Jawatankuasa Dasar Monetari Bank Negara Malaysia. / *The SBR we offer on this product is based on the benchmark rate specified by Bank Negara Malaysia. The benchmark rate is currently set as the Overnight Policy Rate (OPR), which reflects the monetary policy stance as decided by the Monetary Policy Committee of Bank Negara Malaysia.*

## 5. Apakah senario yang mungkin menyebabkan perubahan pada Kadar Asas Standard (KAS)? / *What are possible scenarios to trigger a change in the Standardised Base Rate (SBR)?*

KAS boleh meningkat atau menurun disebabkan oleh perubahan pada kadar penanda aras, iaitu perubahan pada Kadar Dasar Semalaman (OPR). / *The SBR can rise or fall due to changes in the benchmark rate, i.e., changes in the Overnight Policy Rate (OPR).*

## 6. Sejarah Kos Dana (COF) dalam masa 3 tahun / *Historical benchmark Cost of Fund (COF) in the last 3 years*




Nota / *Note :*

i. Untuk siri sejarah yang lebih panjang, sila rujuk laman web kami. / *For a longer historical series, please refer to our website*.

ii. KAS diperkenalkan pada 1 Ogos 2022. Garis putus-putus menunjukkan siri sejarah OPR yang merupakan penanda aras KAS. *The SBR was introduced on 1 August 2022. The dotted line shows the historical series of the OPR, which is the benchmark of the SBR.*

## 7. Apakah tanggungjawab saya? / *What are my obligations?*

- Bayaran keuntungan bulanan / *Servicing the monthly profit*
  - i. Pihak Bank akan mendebitkan caj keuntungan bulanan berdasarkan kepada jumlah pembiayaan yang telah digunakan daripada akaun Cashline-i anda pada setiap hujung bulan. / *The Bank will debit the monthly profit charge based on the amount of financing utilized from your Cashline-i account on every month-end.*
  - ii. Caj keuntungan hendaklah dibayar secara bulanan pada kadar keuntungan semasa. Sekiranya caj keuntungan tidak dibayar, caj bayaran lewat akan dikenakan / *Profit charge is to be paid monthly at the prevailing profit rate. If the profit charge is not paid, the late payment charges will be imposed.*
  - iii. Sekiranya caj keuntungan yang dikenakan tidak dibayar, ia akan dikira sebagai penggunaan prinsipal pada hari berikutnya. / *If the profit charge due is not being paid, it will be treated as principal utilisation on the following day.*
- Bayaran pokok melalui: / *Payment of principal by way of*:
  - i. Berdasarkan pengurangan had pembiayaan secara berkala. / *Based on the financing limit reduction periodically.*
  - ii. Penyelesaian penuh pembiayaan mestilah dibuat sebelum atau pada tarikh matang kemudahan melainkan tempoh pembiayaan diperbaharui. / *Full settlement of the financing must be made before or on the maturity date of facility unless the financing tenure is renewed.*
- Sebarang lebihan terhadap kemudahan kerana keuntungan dan/atau penggunaan prinsipal perlu dilunaskan dengan segera. Jumlah prinsipal akan menjadi tertunggak apabila sampai tempoh matang melainkan tempoh matang dipanjangkan. / *Any excess of the facility limit due to profit and/or principal utilization will be immediately due. Principal will become due upon expiry of tenure unless the tenure is extended.*
- Jumlah maksimum yang perlu dibayar adalah terhad kepada Harga Jualan Bank. / *The maximum amount payable is limited to the Bank's Selling Price.*

- Anda perlu memastikan akaun BSN Giro-i Premium mempunyai amaun yang mencukupi untuk menjelaskan caj keuntungan bulanan serta sebarang pengurangan had pembiayaan yang berlaku bagi mengelakkan akaun pembiayaan daripada melebihi hadnya dan mengakibatkan Caj Bayaran Lewat dikenakan ke atas amaun lebihan tersebut. / *You are to ensure there is sufficient amount in BSN Giro-i Premium account to cover for the monthly profit charged and any scheduled reduction in facility limit that takes place to avoid your account being in excess and causing Late Payment Charge on the excess amount.*
- Ilustrasi keuntungan bulanan yang dikenakan untuk Kemudahan BSN Micro-i Cashline / *Illustration of profit charged on BSN Micro-i Cashline facility*
- Bayaran keuntungan bulanan akan dikira secara harian berdasarkan Kadar Keuntungan Efektif, jumlah penggunaan pembiayaan dan bilangan hari penggunaan dalam bulan tersebut. / *The monthly profit payable is calculated daily based on the prevailing Effective Profit Rate (EPR), the financing amount utilised and number of days utilised for the month.*

| | |
|---|---|
| Kadar Keuntungan Efektif (% setahun) / *Effective Profit Rate (% per annum)* | 9.70% |
| Amaun Pembiayaan / *Financing Amount* | RM50,000 |
| Penggunaan Kemudahan / Bilangan Hari / *Utilised Amount / Number of Days* | 1. RM 20,000 / 8 hari / *8 days*<br>2. RM 5,000 / 12 hari / *12 days* |

| Penggunaan / *utilisation* | Semasa (KAS = 3.00% setahun) / *Current (SBR = 3.00% per annum)* | Jika KAS naik 1% setahun / *If SBR goes up 1% per annum.* | Jika KAS naik 2% setahun / *If SBR goes up 2% per annum* |
|---|---|---|---|
| RM20,000 / 8 hari / *8 days* | RM42.52 | RM46.90 | RM51.29 |
| RM5,000 / 12 hari / *12 days* | RM15.95 | RM17.59 | RM19.23 |
| Jumlah keuntungan 1 bulan / *Total profit for the month* | RM58.47 | RM64.49 | RM70.52 |

Nota / *Notes* :

i. Caj keuntungan bulanan akan berubah jika terdapat perubahan KAS dengan mengikut jumlah penggunaan kemudahan semasa. / *The monthly profit charge will vary if the SBR change depending on the current utilisation amount.*

ii. Contoh di atas adalah untuk ilustrasi sahaja. / *The above example is only for illustration.*

## 8. Apakah fi lain yang perlu saya bayar? / *What other fees do I have to pay?*

| **Bil./ *No.*** | **Jenis Fi / *Type of Fee*** | **Perincian / *Details*** |
|---|---|---|
| 01. | Duti Setem untuk Surat Tawaran / *Stamp Duty on Offer Letter* | RM |
| 02. | Duti Setem untuk lain-lain Dokumen Sekuriti (jika ada) / *Stamp Duty on other Security Document (if any)* | RM |
| 03. | Sumbangan Perlindungan Takaful (pilihan) / *Takaful Coverage Contribution (optional)* (Jumlah sumbangan akan dicaj ke atas kemudahan *Cashline*-i secara bulanan tertakluk kepada baki belum jelas bulanan / *The contribution amount will be charged to the Cashline-i facility on monthly basis subject to the monthly outstanding balance.)* | RM |
| 04. | Fi Wasiat (jika ada) / *Wasiat Fee (if any)* | RM500 |
| 05. | Fi Wakalah / *Wakalah Fee*<br>**Bil./ *No.*** — **Perkara / *Subject*** — **Fi / *Fee***<br>1. Lantikan bank sebagai ejen pembeli / *Bank act as purchase agent* — RM15<br>2. Lantikan bank sebagai ejen penjual / *Bank act as sell agent* — RM15<br>**Jumlah/ *Total*** — **RM30** | RM30 akan diambil dari amaun pembiayaan semasa pengeluaran pembiayaan kepada Pelanggan / *RM30 will be deducted from financing amount upon disbursement to the customer* |
| 06. | Fi Pemprosesan untuk Pengecualian Duti Setem/ *Processing Fee for Stamp Duty Exemption* | RM 10 |

Nota / *Note*:

i. Contoh di atas adalah untuk ilustrasi sahaja / *The above example is only for illustration*.

ii. Bagi (01), (02), (04), (05) & (06) fi adalah dengan sekali pembayaran sahaja dan akan ditolak dari amaun pembiayaan. Manakala bagi (03), fi dicaj secara bulanan tertakluk kepada baki belum jelas bulanan. / *For (01), (02), (04), (05) & (06), the fees are one-off payment only and will be deducted from the financing amount. Whereas for (03), the fee is charged on monthly basis subject to the monthly outstanding balance.*

## 9. Apakah implikasi sekiranya saya gagal melaksanakan tanggungjawab? / *What if I fail to fulfil my obligations?*

- Caj Bayaran Lewat berdasarkan kepada Ta'widh (gantirugi) akan dikenakan seperti di bawah / *Late Payment Charges based on Ta'widh (compensation) will be imposed as below*:

| | |
|---|---|
| **Dalam tempoh pembiayaan / *Within the Facility Period*** | Caj Lewat Bayar sebanyak 1% setahun akan dikenakan ke atas amaun ansuran bulanan yang tertunggak sekiranya anda gagal membayar mana-mana bayaran ansuran bulanan dalam tempoh yang ditetapkan dari tarikh bermulanya pembiayaan dikeluarkan sehingga tarikh matang pembiayaan / *Late Payment Charges (LPC) of 1% per annum will be imposed on the overdue monthly instalment payment in the event you fail to pay any monthly instalment within the stipulated period from the first disbursement of the financing until its maturity date.* |
| **Setelah tamat tempoh pembiayaan / *After the Facility Period:*** | Kadar Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam (IIMM) akan dikenakan atas kegagalan membayar keseluruhan jumlah baki tertunggak selepas tempoh matang atau selepas penghakiman diperolehi, yang mana terdahulu. / *Prevailing daily overnight Islamic Interbank Money Market (IIMM) rate will be charged for failure to pay the total outstanding balance after maturity or upon judgment obtained, whichever earlier.* |

  Nota / Note: *IIMM - Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa. / **IIMM - Islamic Interbank Money Market refers to the rate as may be determined by Bank Negara Malaysia (BNM) from time to time*.

- Bank berhak membuat tolakan (*set-off*) atau memindahkan apa-apa jumlah yang terhutang pada satu atau mana-mana akaun anda di Bank untuk menyelesaikan obligasi dan liabiliti yang terhutang dan perlu dibayar oleh anda kepada Bank tertakluk kepada notis diberikan kepada anda dalam tempoh tujuh (7) hari sebelum tolakan (*set-off*) atau pindahan tersebut dilaksanakan. / *The Bank may set-off or transfer any credit balance in your account maintained with the Bank against any outstanding amount in this financing account by giving seven (7) days prior notice before such set-off or transfer.*

- Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya anda gagal untuk bertindak balas terhadap notis peringatan dan kos berhubung apa-apa tindakan undang-undang yang diambil oleh Bank terhadap anda akan ditanggung oleh anda - jika ada. / *Legal action will be taken if you fail to respond to reminder notices and legal cost will be borne by you - if any.*

  Tindakan undang-undang terhadap anda boleh memberi kesan kepada rekod kredit anda yang akan menyebabkan kemudahan kredit anda menjadi lebih sukar. / *Legal action against you may affect your credit rating leading to credit being more difficult or expensive to you.*

## 10. Bagaimana sekiranya saya melangsaikan sepenuhnya pembiayaan sebelum tarikh matang? / *What if I fully settle the financing before its maturity?*

- Penjelasan awal dibenarkan pada bila-bila masa dengan mengemukakan notis secara bertulis kepada Bank. / *Early settlement is allowable at any time by giving written notice to the Bank.*
- Bank akan memberikan Ibra' (rebat) kepada anda bagi penjelasan awal dalam keadaan-keadaan berikut / *The Bank shall grant Ibra' (rebate) to the customer where there is:*

  i. Penjelasan awal pembiayaan; atau / *Early settlement or for early redemption of the facility; or*

  ii. Keuntungan daripada amaun kemudahan yang tidak digunapakai; atau / *Profit of the unutilized amount of the facility; or*

  iii. Penjelasan pembiayaan melalui cara penstrukturan semula pembiayaan; atau / *Settlement of the original financing contract due to financing restructuring exercise; or*

  iv. Perbezaan antara Harga Jualan dan jumlah ansuran bulanan yang perlu dibayar di akhir tempoh pembiayaan (jika berkenaan); atau / *Difference between the Selling Price and the total monthly instalment payable at the end of the financing tenure (as the case may be); or*

  v. Penjelasan penuh sebelum tempoh matang setelah berlaku keingkaran oleh pelanggan; atau / *Settlement by Customer in the case of default; or*

  vi. Penjelasan awal oleh anda melalui penamatan atau pembatalan pembiayaan sebelum tempoh matangnya. / *Settlement by Customer in the event of termination or cancellation of financing before the maturity date.*

- Ibra' dikira dengan formula berikut : Ibra' = Untung Belum Terakru - Caj Penjelasan Awal (jika ada). / *The applicable formula for Ibra' = Deferred Profit - Early Settlement Charges (if any).*
- Bank berhak untuk mengenakan apa-apa kos sebenar yang berbangkit akibat daripada penjelasan awal tersebut. / *Bank reserves the rights to impose any actual cost incurred by the Bank as a result of the early settlement.*

## 11. Apakah risiko utama yang akan saya hadapi? / *What are the major risks?*

Sekiranya pembiayaan ditamatkan atau berlaku apa-apa perkara kemungkiran pembiayaan, Bank mempunyai hak mutlak untuk mengambil segala langkah yang wajar (termasuk tindakan undang-undang) ke atas anda / penjamin (jika ada) untuk mendapatkan semula hutang yang belum dijelaskan. / *If the financing is terminated or in event of default of the financing, the Bank reserves the right to take all reasonable steps (including legal action) against you / the guarantor (if any) to recover the outstanding debt*

**12. Adakah permohonan saya memerlukan penjamin atau cagaran? / *Do I need a guarantor or collateral?***

- Penjamin: Pihak Bank berhak untuk meminta anda menyediakan penjamin (sekiranya perlu). / *Guarantor: The Bank reserves the right to request for a guarantor (if necessary).*
- Tiada cagaran diperlukan. / *No collateral required.*

**13. Adakah saya perlu mengambil perlindungan Takaful? / *Do I need any Takaful coverage?***

Anda digalakkan untuk mengambil Perlindungan Takaful dengan pelan Credit Shield. Bayaran Sumbangan bagi *Credit Shield* akan dikenakan ke atas kemudahan Cashline-i secara bulanan tertakluk kepada baki belum jelas bulanan. Baki belum jelas bulanan akan dibiayai melalui perlindungan takaful jika berlaku kematian atau hilang upaya kekal menyeluruh. / *You are encouraged to subscribe to takaful protection of Credit Shield. The contribution payment for Credit Shield is charged to the Cashline-i facility on monthly basis subject to the monthly outstanding balance. The monthly outstanding balance will be covered through takaful protection in the event of death or total and permanent disability.*

**14. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan pada maklumat perhubungan saya? / *What do I need to do if there are changes to my contact details?***

Adalah sangat penting untuk anda memaklumkan kepada Bank secara bertulis atau melalui emel jika terdapat sebarang perubahan dalam maklumat perhubungan anda. Ini bagi memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. / *It is important that you inform us any changes in your contact details (in writing or email) to ensure that all correspondences reach you in the timely manner.*

**15. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan atau maklumat lanjut? / *Where can I get assistance and redress?***

Jika anda mempunyai kesukaran membuat pembayaran, anda perlu menghubungi pihak Bank dengan segera untuk membincangkan alternatif pembayaran. Anda boleh hubungi kami di: / *If you have difficulties in making monthly payments, you should contact us earliest possible to discuss payment alternatives. You may contact us at:*

**Pusat Perhubungan Pelanggan**
**Bank Simpanan Nasional**
**Tel: 1300 88 1900 / 03-2613 1900 (Luar Negara) / *(Overseas)***
**Emel/*Email*: customercare@bsn.com.my**

Jika anda ingin mengemukakan aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh pihak Bank, anda boleh menghubungi pihak bank di / *If you wish to complaint on the products or services provided by us, you may contact us at:*

**Pusat Perhubungan Pelanggan**
**Bank Simpanan Nasional**
**Tel: 1300 88 1900 / 03-2613 1900 (Luar Negara) / *(Overseas)***
**Emel/*Email*: customercare@bsn.com.my**

Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan sepenuhnya oleh pihak Bank, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK di / *If your query or complaint is not satisfactorily resolved by us, you may contact Bank Negara Malaysia LINK at:*

**BNMLINK**
**Jabatan Komunikasi Korporat**
**Bank Negara Malaysia**
**P.O.Box 10922**
**50929 Kuala Lumpur**
**Tel: 1300 88 5465**
**Borang Web/*Web Form*: https://bnmlink.bnm.gov.my/**

Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan Perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma berkaitan pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penyusunan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di / *Alternatively, you may seek the services of Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), an agency established by Bank Negara Malaysia to provide free services on money management, credit counselling and debt restructuring for individuals. You can contact AKPK at:*

**Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)**
**Tingkat 5 dan 6,**
**Menara Bumiputra Commerce,**
**Jln Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur**
**Tel: 03-2616 7766**
**Emel/*Email* : enquiry@akpk.org.my**

Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Khidmat Nasihat Pembiayaan di Credit Guarantee Corporation Malaysia yang memberikan nasihat kewangan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan individu yang tidak dapat memperoleh pembiayaan PKS/pembiayaan rumah-daripada institusi kewangan. Sekiranya anda berminat untuk menerima khidmat nasihat daripada Khidmat Nasihat Pembiayaan @ CGC, sila hubungi / *Alternatively, you can get the Financing Advice Service at Credit Guarantee Corporation Malaysia which provides financial advice to Small and Medium Enterprises (SMEs) and individuals who cannot obtain SME financing/home financing- from financial institutions. If you are interested in receiving advice from Khidmat Nasihat Pembiayaan @ CGC, please get in touch*:

**Laman web/*Website*: https://www.bnm.gov.my/MyKNP**

**16. Dimana boleh saya memperolehi informasi dengan lebih lanjut? / *Where can I get further information?***

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai pembiayaan mikro kewangan, sila rujuk laman web www.bsn.com.my. / *Should you require additional information on Micro Finance Financing, please refer to www.bsn.com.my website.*

**17. Lain-lain produk Skim Pembiayaan Mikro Kewangan BSN yang disediakan / *Other micro financing packages available***

- BSN Micro-i TemaNiaga (Tawarruq)
- BSN Micro-i PKBC (Tawarruq)
- BSN Micro-i TemanMesra (Tawarruq)
- BSN Microplus-i PKBC (Tawarruq)

**<u>PENAFIAN / *DISCLAIMER* :</u>**

Terma dan syarat di dalam Penyata Pendedahan Produk ini hanya sebagai maklumat dan tidak muktamad. Terma dan syarat yang muktamad adalah seperti yang ditetapkan dalam Surat Tawaran selepas penilaian dan kelulusan pihak Bank. / *The terms and conditions indicated in this Product Disclosure Sheet are tentative / indicative and not binding on the Bank. The final terms and conditions are as stipulated in the Letter of Offer after financing approval.*

☐ Saya dengan ini telah membaca dan memahami terma dan syarat di atas / *Hereby I have read and understand the terms and conditions above.*

________________________

Tandatangan Pelanggan / *Customer's Signature*

**CATATAN PENTING : TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIKENAKAN SEKIRANYA <u>BERLAKU KEMUNGKIRAN</u> DALAM PEMBAYARAN PEMBIAYAAN MIKRO ANDA. /**
***IMPORTANT NOTE : LEGAL ACTION MAY BE TAKEN AGAINST YOU IF YOU <u>DO NOT</u> KEEP UP PAYMENTS ON YOUR MICRO FINANCING.***

Semua maklumat yang diberikan dalam Penyata Pendedahan Produk ini adalah sah mulai 15 January 2024/ *All information provided in this Product Disclosure Sheet is valid with effect from 15 January 2024.*